

Inovasi Bantu Percepat Pertumbuhan Malaysia - Tun Dr Mahathir

Bername

27 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Banyak inovasi yang diperkenalkan kerajaan telah membantu mempercepat kadar pertumbuhan negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata peranan utama negara ialah memperuntuk undang-undang dan memastikan keselamatan rakyat, tetapi sejak berdekad lamanya peranan baharu telah ditambah bagi kerajaan melibatkan diri dalam kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata sebelum ini nasionalisasi ialah suatu inovasi tetapi ia tidak membawa kepada perbaikan dalam peranan kerajaan dan kesejahteraan rakyat.

Dr Mahathir berkata Malaysia menolak sosialisme tetapi menerima sesetengah idea sosialis seperti perancangan lima tahun, pendidikan bersubsidi dan pemilikan negara industri petroleum.

"Idea mencampurkan sistem sosialis dan pasaran bebas ialah suatu yang inovatif, tetapi kita teruskan untuk lebih inovatif," katanya dalam ucap utama bertajuk 'Kekuatan dalam Inovasi: Bagaimana Untuk Kekal Kompetitif dalam Dunia yang Pesat Membangun' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

Bekas perdana menteri itu berkata Malaysia menggalakkan penyertaan asing dalam ekonominya dengan pemberian insentif, membina taman perindustrian dan memberi cukai percutian sedangkan negara yang baharu merdeka menolak penyertaan asing dalam ekonomi mereka.

Katanya, Malaysia mengamalkan dasar mesra perniagaan melalui Konsep Persyarikatan Malaysia dan idea itu mempercepat pertumbuhan perniagaan dan membantu mereka menjana lebih keuntungan.

"Konsep Penswastan dan Persyarikatan Malaysia mewakili inovasi dari segi tadbir urus.

"Pertambahan kekayaan negara ini menyumbang kepada peningkatan dalam kutipan cukai oleh kerajaan dan dengan itu keperluan baharu infrastruktur rakyat boleh dipenuhi," katanya.

Dr Mahathir berkata inovasi tiada hadnya, dan banyak bidang yang boleh membawa kepada inovasi dilaksanakan, supaya hasil yang lebih baik diperoleh.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937705>